

Muhyiddin kekal PM

Malaysia
terjerumus
kemelut politik
kali kedua dalam
tempoh
18 bulan

UM
- 9/7/2021
mks:1

Oleh **ASLINDA NASIR, ZAREEN HUMAIRAH SEJAHAN** dan **MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN**
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Tan Sri Muhyiddin Yassin kekal Perdana Menteri walaupun Malaysia sekali lagi terjerumus dalam kemelut politik kedua dalam tempoh 18 bulan selepas 'Langkah Sheraton' yang membawa kepada 'keruntuhan' Kerajaan

Rais Yatim: Perlu dibukti di Parlimen, SD »5

Pakatan Harapan (PH).

Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun dalam kenyataan

menegaskan, buat masa ini kerajaan tidak mempunyai apa-apa fakta jelas yang menunjukkan Perdana Menteri tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli-ahli Dewan Rakyat.

Menurut beliau, berdasarkan Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan, penentuan sama ada seseorang itu mendapat kepercayaan majoriti ahli-ahli Dewan Rakyat hendaklah ditentukan oleh ahli-ahli Dewan Rakyat sendiri dan

bukan melalui kenyataan oleh sesuatu parti politik ataupun mana-mana pemimpin parti politik.

"Oleh itu, dari segi undang-undang, Perdana Menteri dan Kabinet sedia ada ternyata masih kekal untuk terus menjalankan kuasa eksekutif Persekutuan," kata Peguam Negara itu dalam kenyataan semalam.